

PORTAL RANGKAIAN PEKERJAAN GRADUAN POLITEKNIK MALAYSIA (PolyEmNet)

Dulina binti Tholibon

Jabatan Kejuruteraan Petrokimia, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail,
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Pagoh, Muar, Johor
Email: dulina@ptsn.edu.my

Mohamed Hamdan bin Mohamad Ibrahim

Jabatan Kejuruteraan Petrokimia, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail,
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Pagoh, Muar, Johor
Email: mhamdan@ptsn.edu.my

Leong Kok Seng

Jabatan Kejuruteraan Petrokimia, Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail,
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Pagoh, Muar, Johor
Email: kokseng@ptsn.edu.my

ABSTRAK

Berdasarkan kepada jalinan kolaborasi industri dan pengalaman yang luas terhadap teknologi terkini, inovasi PTSN Employment Network (PolyEmNet) – An Online Teaching and Job Portal telah berjaya dibangunkan. PolyEmNet merupakan portal rangkaian jaringan pencarian kerja sebagai alternatif kepada pelajar dan graduan politeknik mencari tempat menjalani Latihan Industri (LI) seterusnya mencari peluang kerjaya yang sesuai dengan bidang pengajian yang diikuti di PTSN. PolyEmNet merupakan alternatif kepada kaedah sediaada seperti Jobstreet.com, Kareer.com.my dan lain-lain. Tujuan utama PolyEmNet dibangunkan adalah sebagai penghubung antara tenaga pengajar, pelajar, alumni dan majikan yang berpotensi melalui satu portal pencarian kerja. Melalui PolyEmNet bakal majikan dapat mengakses terus maklumat pelajar mengikut kriteria yang diperlukan berdasarkan kepada keperluan pekerjaan. Kandungan fungsi katalog membantu pelajar atau graduan membangunkan seterusnya mempamer dan menyusun profil menerusi resume yang menggambarkan kualiti serta keterampilan mereka. Resume ini telah dibangunkan lebih awal dengan pemantauan pensyarah bagi subjek Communicative English DUE50032 bagi tujuan meminimumkan kesilapan. Himpunan resume ini akan disimpan di dalam sistem pangkalan data yang dibangunkan bagi memudahkan ianya diakses oleh pencari kerja dan syarikat yang berpotensi untuk menawarkan penempatan pekerjaan. Hal ini secara tidak langsung membantu dalam mengurangkan pengangguran selain kos yang murah dan fleksibel untuk diakses di mana sahaja serta mesra pengguna. Pengguna dapat mengakses secara percuma dan boleh memilih pekerjaan yang diinginkan mengikut senarai majikan yang terlibat, terutamanya syarikat yang berkaitan dengan program pengajian di PTSN. Industri juga memperoleh manfaat dengan pengurangan kos untuk pengiklanan jawatan kosong. Secara keseluruhannya, portal ini memberi kesan yang sangat baik kepada kebolehpasaran pelajar PTSN dan menaikkan imej PTSN melalui penghargaan yang diberikan oleh industri kerana menyediakan alternatif lain untuk industri berhubung terus dengan calon pekerja.

Kata kunci: Pencarian kerja, penempatan pekerjaan, kebolehpasaran graduan, industri mengikut bidang

PENGENALAN

Pemilihan tajuk kajian ini adalah berdasarkan kepada masalah pelajar yang telah tamat belajar di politeknik mendapatkan tempat untuk menjalani latihan industri dan mendapatkan pekerjaan selepas tamat belajar. Masalah komunikasi menjadi masalah utama graduan apabila ingin memulakan proses pencarian pekerjaan (M. H. Ismail, 2012). Masalah ini wujud akibat daripada kesukaran dalam mendapatkan maklumat antara pelajar dan pihak industri (Hashim et al., 2016). Inovasi PolyEmNet dibangunkan sebagai usaha membantu pelajar mendapatkan tempat menjalani latihan industri atau pekerjaan selepas tamat pengajian. Ini sekaligus meningkatkan kebolehpasaran graduan Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) yang bekerja selari dengan bidang pengajian yang diikuti di PTSN. Keadaan pasaran kerja yang dinamik sangat bergantung kepada kolaborasi antara industri dan institusi pengajian yang membuatkan graduan politeknik ini perlu bersaing dan cuba untuk menguasai pelbagai kemahiran bagi tujuan untuk mempromosikan kebolehan diri serta pencapaian pembelajaran mereka (Ali et al., 2018). Justeru, pembangunan portal ini dilihat dapat membantu dalam merapatkan hubungan antara industri dan PTSN. Selain itu juga, proses pencari kerja dengan menghadiri pameran kerjaya serta proses temuduga secara tradisional dilihat tidak efektif sejajar dengan pembangunan teknologi masa kini dan ianya mengambil masa yang lama untuk pelajar dan industri mencapai matlamat mereka (I. Ismail, 2009).

Selain daripada itu, kelemahan resume pelajar menjadi antara faktor utama dalam kegagalan pelajar mendapatkan penempatan latihan industri mahupun pekerjaan (Yusof et al., 2013). Penulisan resume yang lemah mencerminkan pelajar tidak bersedia dan kurang berkeyakinan untuk menempuhi alam pekerjaan sebenar. Hal ini sebenarnya berpunca daripada beberapa faktor antaranya tiada pengalaman, pengetahuan dan kemahiran (Malakoni et al., 2023) Justeru itu, portal PolyEmNet ini dibangunkan untuk digunakan sebagai platform untuk pelajar menghasilkan resume berkualiti selaras dengan keperluan industri semasa. Resume yang disediakan oleh pelajar ini akan dipantau, disemak dan dinilai terlebih dahulu oleh pensyarah Bahasa Inggeris. Hal ini secara tidak langsung akan menyumbangkan kepada penghasilan resume yang berkualiti dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas sebagai satu proses yang berkesan dan efektif. PolyEmNet juga dibangunkan selari dengan objektif yang disasarkan dalam Business Plan dan Pelan Strategik PTSN iaitu memperkasakan kualiti graduan TVET, meningkatkan kualiti mod

pengajaran dan pembelajaran (PdP) tenaga pengajar yang efektif sebagai salah satu institusi TVET yang mematuhi standard piawaian MS ISO 9001:2015.

Kajian ini juga menyokong indeks prestasi utama (KPI) yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), iaitu jumlah industri yang terlibat dalam kolaborasi berimpak tinggi serta peratusan pencapaian COT (Center of Technology). Salah satu elemen pencapaian KPI ini bergantung pada penglibatan pelajar dalam industri yang menjalin kerjasama. Selaras dengan matlamat TVET yang bertujuan untuk memperkasa industri dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan, inovasi ini berperanan dalam mempertingkatkan keupayaan graduan untuk bekerja, terutamanya mengikut kos yang diambil semasa belajar, melalui hubungan dua hala yang erat antara institusi dan industri (Paryono, 2017). PolyEmNet juga dapat memperkukuhkan rangkaian kolaborasi industri, dengan berjaya menjadi platform penghubung yang menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pihak industri. Secara tidak langsung, portal ini menjamin kerjasama yang erat dan aktif, melalui saluran pengambilan sumber manusia yang relevan dengan bidang pengajian. Dengan ini, pelajar dengan cepat mendapat pekerjaan yang sesuai, manakala syarikat atau industri dapat memperoleh pekerja yang memiliki kemahiran dan kriteria yang dikehendaki.

OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini dibangunkan adalah untuk:

- i. Membantu pelajar semester akhir untuk memperoleh tempat bagi menjalani Latihan Industri iaitu bagi kursus DUT 60019 serta mendapat tempat atau pekerjaan dalam bidang yang diikuti di PTSN.
- ii. Platform yang membolehkan graduan dapat membangunkan resume yang berkualiti selaras kepada keperluan atau kehendak pasaran kerja semasa. Resume yang disediakan oleh pelajar akan dipantau, disemak dan dinilai oleh pensyarah Bahasa Inggeris untuk subjek DUE 50312 yang mana dapat menyumbang kepada peningkatan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas bagi kursus tersebut.
- iii. Mewujudkan saluran komunikasi yang baik serta mengurangkan jurang antara pelajar, institusi pengajian dan syarikat yang berasaskan industri dalam bidang pengajian. Jurang ini berlaku disebabkan kesukaran dalam mengakses maklumat antara graduan dan industri. Secara tidak langsung, pembangunan inovasi portal PolyEmNet dapat menyumbang kepada peningkatan peratusan kebolehpasaran graduan PTSN khususnya dalam mendapatkan pekerjaan yang relevan dengan bidang yang dipelajari (Hanafe & S Abdullah, 2014).
- iv. Mencapai KPI yang ditetapkan iaitu KPI bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi yang mana antara elemen pencapaian kepada KPI tersebut adalah bersandarkan kepada penglibatan pelajar dalam industri yang bekerjasama.

METODOLOGI KAJIAN

Pembangunan portal inovasi PolyEmNet ini terdiri daripada beberapa peringkat yang telah disusun secara teratur dan sistematik bagi memastikan ianya berjaya dihasilkan serta berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

- Peringkat 1: Idea awal

Perbincangan bersama ahli kumpulan melibatkan pensyarah Bahasa Inggeris Jabatan Pengajian Am, PTSN untuk mengenalpasti masalah sedia ada yang dihadapi oleh pelajar semasa penghasilan resume pelajar. Penubuhan kumpulan penyelidik telah dilakukan pada tahun 2018 untuk inovasi Graduate Pool (G-Pool) - An Online Malaysian Polytechnics Graduates Catalogue manakala inovasi PTSN Employment Network - An Online Teaching and Job Portal ditubuhkan pada tahun 2022. Ianya kemudian dimurnikan lagi dengan penjenamaan baru iaitu PTSN *Employment Network* (PolyEmNet) – *An Online Teaching and Job Portal* yang menggabungkan proses pengajaran dan pembelajaran di bawah satu portal yang sama. Selain itu, bilangan industri juga telah ditambah bagi meningkatkan peluang pengguna untuk membuat pilihan.

- Peringkat 2: Temubual bersama beberapa orang pelajar

Temubual dilakukan bersama beberapa orang pelajar yang mengambil kursus Communicative English DUE50032. Soalan temubual dibangunkan berdasarkan perkara yang menjadi masalah semasa menghasilkan resume yang berkualiti dan mendapatkan industri yang bersesuaian dengan bidang yang diambil ketika pengajian. Selain itu, ianya dilakukan bagi mengenalpasti pendapat dan pandangan pelajar untuk mengatasi masalah tersebut.

- Peringkat 3: Perbincangan bersama pihak industri, wakil pengurusan Lotte Chemical Titan (M) Sdn. Bhd. dan Jaewon Frontier Sdn. Bhd.

Temubual dilakukan bersama beberapa ahli kumpulan dan wakil pengurusan industri iaitu bakal majikan tentang cara pemilihan pelajar berdasarkan jenis pekerjaan atau jawatan yang sesuai dengan kelayakan pelajar. Selain itu masalah yang dihadapi untuk mendapatkan pekerja di syarikat tersebut turut dibincangkan.

- Peringkat 4: Ujilari portal

Pengujian terhadap prototaip Employment Network (PolyEmNet) – An Online Teaching and Job Portal telah dijalankan oleh ahli kumpulan yang melibatkan industri, pelajar, wakil unit pengurusan dan pensyarah kursus DUE 50312: Communicative English 3. Fokus utama adalah kepada kepenggunaan, kebolehfungsian, kecekapan dan kebolehpasaran

prototaip yang dibangunkan. Maklumbalas daripada ujilari yang dijalankan telah direkodkan melalui borang kaji selidik kepuasan pengguna dan menerusi temubual. Antara isu yang ditekankan adalah isu keselamatan dan mobiliti capaian kepada laman yang dibangunkan.


- Peringkat 5: Pemantauan dan tindakan susulan

Hasil daripada maklumbalas ujilari yang dilaksanakan, tindakan penambahbaikan telah dibuat. Elemen keselamatan data telah dipertingkatkan dengan sekuriti SSL. Melalui sistem sekuriti ini data yang dimuatnaik dalam portal adalah selamat dan sentiasa dipantau oleh pihak pentadbir. Selain itu, ianya juga boleh dicapai menggunakan aplikasi telefon pintar. Pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi di laman web PTSN tanpa perlu ke app store atau gedung aplikasi. Aplikasi telefon pintar bersesuaian dengan pengguna android dan IOS. Secara keseluruhannya portal ini merupakan integrasi 3 komponen di dalam satu platform iaitu:


- i. Semakan resume pelajar secara komprehensif
- ii. Permohonan penempatan latihan industri dan pekerjaan oleh pelajar
- iii. Pengambilan pelatih industri dan pekerja yang bertepatan dengan kehendak industri

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Melalui *Employment Network* (PolyEmNet) – *An Online Teaching and Job Portal*, resume dan maklumat diri pelajar dapat disimpan di dalam portal di mana ia boleh diambil dan diakses oleh pelajar dan syarikat-syarikat yang berpotensi menawarkan penempatan LI dan peluang pekerjaan dan seterusnya mengurangkan pengangguran graduan Politeknik Malaysia. Kos penggunaan portal PolyEmNet adalah lebih murah berbanding portal pencarian kerja yang lain seperti *Jobstreet.com*, *Monster.com*, *Kareer.com.my* dan lain-lain dengan anggaran belanja di bawah RM1000 (Yuhana, 2019). Portal ini juga bersifat fleksibel di mana ia mudah diakses dan mesra pengguna. Ianya membolehkan pelajar dan graduan politeknik mengakses tanpa sebarang kos dan boleh memilih peluang pekerjaan yang dikehendaki mengikut senarai majikan yang terlibat daripada syarikat terkemuka seperti Jaewon Frontier Sdn. Bhd, Lotte Chemical Titan, Tomypak Flexible Packaging Sdn Bhd dan lain-lain. Kesemua syarikat ini adalah merupakan syarikat yang terlibat dengan industri yang berkaitan dengan program pengajian di PTSN. Majikan dapat mengakses *Employment Network* (PolyEmNet) – *An Online Teaching and Job Portal* untuk mencari bakal pekerja yang dikehendaki. Bakal majikan akan memilih pelajar berdasarkan jenis pekerjaan atau jawatan yang sesuai dengan kelayakan mereka, manakala pelajar boleh memilih syarikat dan jawatan yang mereka kehendaki daripada data yang dipamerkan oleh syarikat. Link ke laman web utama portal: www.graduatespools.com.



Gambar 1: Paparan antaramuka Employment Network (PolyEmNet) – An Online Teaching and Job Portal



Gambar 2: Aktiviti bersama industri melibatkan pelajar PTSN

KESIMPULAN

Inovasi *Employment Network* (PolyEmNet) – *An Online Teaching and Job Portal* merupakan inovasi yang digunakan sebagai salah satu kaedah bagi meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris bagi kursus subjek DUE 50312 *Communicative English 3* secara lebih praktikal dan boleh digunakan untuk pelajar Politeknik. Selain itu ianya juga dapat membantu politeknik dalam mempromosikan pelajar kepada syarikat yang berpotensi untuk perkembangan kerjaya mereka. Ini akan membantu graduan dikehendaki oleh syarikat-syarikat yang secara khusus mencari pekerja dengan latar belakang pendidikan yang relevan. Industri mempunyai akses terus dalam mendapatkan calon dengan lebih mudah di portal yang dibangunkan.

Inovasi ini pastinya menjadi salah satu cara yang perlu dipertimbangkan untuk digunakan di politeknik Malaysia sebagai strategi untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan. Setelah menerima maklumbalas yang positif dari pengguna pada ujilari yang telah dijalankan, inovasi ini dilihat mampu disebarluaskan terutamanya untuk institusi, Politeknik Malaysia, institusi pengajian tinggi (awam dan swasta) lain dan juga industri. Kelebihan inovasi ini telah dikenalpasti dan ianya mampu menyumbang kepada kelancaran proses di institusi dan berpotensi dikembangkan ke politeknik lain. Seperti mana aplikasi SPMP yang telah direkacipta oleh Politeknik Kota Bharu, inovasi ini juga boleh digunakan untuk mengumpulkan data, memudahkan proses pelajar untuk mendapat tempat latihan industri malah meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan politeknik. Sistem perkongsian dan promosi maklumat pelajar ini sememangnya boleh digunakan dan dipanjangkan ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang lain. Servis ejen pencari pekerja swasta mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada para penggunanya (Mahmood et al., 2021). Sekiranya sistem ini dipanjangkan penggunaannya kepada institusi pengajian tinggi lain, kos mereka akan dapat dikurangkan dan mereka bakal mendapat hasil yang lebih efisien.

Terdapat beberapa fungsi serta ciri *Employment Network* (PolyEmNet) – *An Online Teaching and Job Portal* yang boleh ditambahbaik. Antaranya adalah semakan Bahasa dan kandungan penulisan. Oleh kerana portal ini menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya sebagai bahasa pengantara muka, serta semua maklumat pelajar atau bakal graduan adalah menggunakan Bahasa Inggeris, terdapat banyak penggunaan tatabahasa, ejaan dan struktur ayat yang kurang baik. Fungsi semakan penggunaan bahasa ini boleh diwujudkan demi memastikan setiap data yang bakal dimuatnaik adalah mempunyai peratus ketepatan yang tinggi dan peratusan kesalahan yang hampir sifar. Ini kerana, maklumat-maklumat ini akan diakses oleh syarikat-syarikat yang berdaftar dan sekiranya terdapat kesalahan dari segi bahasa ini bakal mewujudkan persepsi negatif di kalangan pencapaian malah berkemungkinan juga terjadi salah tafsiran yang mengakibatkan potensi untuk pelajar itu dipilih menjadi tipis. Dari segi teknikal dan teknologi pembinaan laman web dan aplikasi portal ini juga dilihat berpotensi untuk ditambah baik agar inovasi ini menjadi lebih terampil, terkini dan premium dengan menghasilkan antara muka yang lebih baik.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti kerana menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pensyarah melaksanakan aktiviti penyelidikan dan inovasi.

RUJUKAN

- Ali, E., Che' Rus, R., Haron, M. A., & Mohammad Hussain, M. A. (2018). Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional: Satu Analisis. *Sains Humanika*, 10(3–3), 9–15.
- Hanafe, N., & S Abdullah, B. (2014). *Faktor-faktor peningkatan kadar pengangguran di Malaysia ketika pandemik COVID-19*. 1–13.
- Hashim, N., Chang, P. K., & Abd. Rahman, M. P. (2016). STOPS: Mengungkap Isu Kebolehpasaran Graduan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 32(2)(2), 139–164.
- Ismail, I. (2009). Pembangunan laman web pencarian kerja dengan aplikasi. In *Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat* (Issue November).

- Ismail, M. H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia : Tinjauan dari Perspektif Majikan Study on Employability of Graduates in Malaysia : A Survey of Employer Perspectives. *Prosiding PERKEM VII*, 2(2012), 906–913.
- Mahmood, N. A., Saad, A. B., Ling, N. F., & Malik, I. B. A. (2021). Online Recruitment Website is Significantly Influence the Job-Seekers to Apply Job Online. *Webology*, 18(Special Issue), 46–56.
- Malakoni, D. K. A. K., Siddiqui, M. A., & Shar, I. M. (2023). Impact of Leardership & Motivational Skills & Teamwork & Problem Solving Skills and Communication Skills on Graduate Employability: Evidence from Universiti of Sindh, Pakistan. *Journal of Social Sciences Advancement*, 15–20.
- Paryono. (2017). The Importance of TVET and Its Contribution to Sustainable Development. *AIP Conference Proceedings*, 1887.
- Yuhana, G. P. (2019). Penggunaan Media Online Pencari Kerja Jobstreet Dan Pemenuhan Kebutuhan Informasi Lowongan Kerja. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699.
- Yusof, N., Jamaluddin, Z., & Lazim, N. (2013). Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Kebolehpasaran Graduan dan Persaingan dalam Pasaran Pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 77–92.